

# PM luang masa ziarah Tun Rahah

UM - 18/12/2020 m/s: 3

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin petang semalam meluangkan masa menziarahi Tun Rahah Mohamed Noah di Pusat Perubatan Prince Court, Kuala Lumpur, semalam.

Ketibaan beliau disambut oleh bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

“Sama-samalah kita berdoa ke hadrat Allah SWT agar Tun Rahah yang merupakan balu Perdana Menteri kedua Allahyarham Tun Abdul Razak dan juga bonda Datuk Seri Najib diberi kesembuhan dan dipermudahkan urusan rawatan. Amin,” ujar Perdana Menteri menerusi laman Facebook rasminya.



**MUHYIDDIN Yassin disambut Najib Tun Razak semasa menziarahi Tun Rahah Mohamed Noah di Pusat Perubatan Prince Court, Kuala Lumpur, semalam. - GAMBAR FB MUHYIDDIN YASSIN**